BAB

3

KAJIAN MENGENAI GENDER, WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT

Pengenalan

3.1 Dasar kerajaan terhadap kesaksamaan gender dan tentang kepentingan wanita dan keluarga dalam arus pembangunan negara jelas ditunjukkan melalui pelbagai rancangan lima tahun, khususnya Rancangan Malaysia Ke-8 (RMKe-8) dan Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9). Rancangan-rancangan ini berusaha menangani isu berkaitan gender dan wanita bagi membolehkan wanita menggunakan potensi mereka sepenuhnya dan melibatkan diri dengan lebih berkesan sebagai rakan dalam pembangunan bersama-sama dengan kaum lelaki selaras dengan prinsip Islam Hadhari. Melalui pelbagai rancangan itu, kekangan perundangan dan institusi yang menghalang penyertaan wanita yang lebih besar dalam bidang ekonomi dikaji semula untuk menggalakkan penglibatan yang aktif serta menyumbang kepada kemajuan negara yang lebih baik. Penekanan diberikan bagi memperkasa wanita dengan menyediakan akses yang lebih baik kepada pendidikan dan program meningkatkan kemahiran serta melibatkan wanita dalam proses membuat dasar.

3.2 Wanita terdiri daripada kira-kira separuh penduduk Malaysia. Sumbangan mereka sama ada sebagai isteri, ibu serta pekerja yang mempunyai gaji, di dalam pembangunan bangsa dan negara adalah amat penting. Mereka bukan sahaja memainkan peranan utama di dalam pembentukan generasi akan datang malah merupakan aset ekonomi yang penting kepada negara. Sejak negara mencapai kemerdekaan, kerajaan telah membuka peluang pendidikan kepada seluruh lapisan masyarakat. Wanita telah diberi peluang yang sama dengan lelaki untuk memasuki persekolahan dan institusi pengajian tinggi. Dengan berbekalkan pendidikan dan pengetahuan yang diperolehi, wanita kini dikatakan lebih berkeyakinan dan mempunyai potensi diri dalam banyak bidang sama ada ekonomi, politik dan sosial. Wanita juga sudah mula menunjukkan kebolehan dengan memikul tanggungjawab yang pelbagai.

3.3 Pepatah Melayu ada mengatakan *'Tangan yang menghayun buaian juga mampu menggoncangkan dunia'*. Itulah senario sebenar wanita-wanita pada hari ini. Wanita bukan lagi dianggap sebagai 'penghuni tetap' ceruk dapur semata-mata tetapi telah menjadi salah satu kekuatan penting dalam pembangunan negara. Kredibiliti mereka tidak lagi dipandang enteng kerana keupayaan wanita mampu membuatkan mereka duduk sama rendah dan berdiri sama tinggi dengan kaum lelaki.

3.4 Sememangnya wanita berperanan penting dalam mencorak masa depan negara. Apatah lagi wanita merupakan pengasuh dan pendidik generasi muda yang bermula dari institusi kekeluargaan dan seterusnya ke alam masyarakat sebenar. Jika suasana didikan

di rumah tidak sempurna maka akan tidak sempurnalah pembentukan peribadi penghuninya sekaligus mengundang pelbagai masalah sama ada kepada keluarga mahupun diri anak-anak. Malahan, pelbagai masalah sosial pada hari ini dikatakan berpunca daripada kepincangan institusi kekeluargaan.

3.5 Kerajaan melalui Rancangan Malaysia Ke-8 (RMKe-8) telah melaksanakan pelbagai program pembangunan keluarga dan masyarakat selaras dengan objektifnya untuk mewujudkan masyarakat penyayang. Pelaksanaannya kemudian diteruskan melalui Rancangan Malaysia Ke-9 (RMKe-9) yang memberi penekanan yang lebih kepada pembentukan keluarga yang lebih berdaya tahan bagi mencapai keseimbangan yang optimum antara pertumbuhan kebendaan dan pembangunan masyarakat.

3.6 Justeru, kedudukan wanita yang semakin penting dalam pelbagai bidang yang mereka ceburi, maka banyak persoalan-persoalan yang muncul daripadanya yang menuntut perbincangan secara mendalam oleh para sarjana dan pelajar. Bab 3 ini akan mengulas beberapa kajian yang dijalankan untuk tempoh 2001-2005 yang menumpu kepada tiga tema utama iaitu gender, wanita, keluarga dan masyarakat. Ternyata banyak bilangan penyelidikan yang dijalankan di Malaysia yang membincangkan persoalan-persoalan tentang ketiga-tiga tema tersebut yang memerlukan penelitian ke atas permasalahan yang wujud, seterusnya memberi saranan dan cadangan dasar untuk menangani masalah-masalah yang timbul.

A. Kajian Mengenai Gender

Bilangan Kajian dan Dana

3.7 Umumnya agak sukar untuk membezakan antara kajian gender dengan kajian wanita. Ini kerana kadangkala kajian-kajian yang dijalankan boleh dikategorikan sebagai kajian gender dan juga kajian wanita. Namun, kedua-dua tema ini dibezakan dengan (1) kajian gender menumpu kepada hubungan kuasa lelaki dan wanita, tentang kesaksamaan dan lain-lain, dan (2) kajian wanita menumpu kepada isu-isu wanita yang memainkan peranan yang pelbagai sama ada sebagai isteri dan ibu di dalam rumah tangga, pekerja atau majikan, dan penglibatan dalam aktiviti sosial dan kemasyarakatan termasuk politik.

3.8 Kajian-kajian mengenai pelbagai dimensi persoalan gender dilakukan kebanyakannya oleh pensyarah dan juga pelajar Sarjana dan PhD hampir di semua universiti awam yang dihubungi dalam kajian ini. Selain itu, terdapat juga penyelidikan tentang persoalan gender yang dijalankan di universiti swasta seperti Universiti Tenaga Nasional.

3.9 Secara keseluruhannya, terdapat 63 buah kajian mengenai pelbagai persoalan gender yang dijalankan oleh pelbagai universiti bagi tempoh 2001-2005 yang boleh digolongkan dalam bidang pembangunan sosial. Daripada jumlah ini, 32 (50.8%) adalah kajian asas/gunaan, tiga (4.8%) adalah kajian rundingan/kontrak dan 28 (40.5%) adalah kajian tesis di peringkat Sarjana dan PhD. Daripada jumlah tesis ini, hanya tiga kajian sahaja yang merupakan kajian tesis PhD.

3.10 Dari segi dana pula, hanya kajian asas/gunaan dan rundingan/kontrak sahaja yang memperoleh dana daripada universiti dan sumber-sumber lain manakala kajian tesis tidak mempunyai pembiayaan rasmi. Daripada 63 buah kajian yang dijalankan, hanya 29 (46%) kajian yang mempunyai maklumat tentang jumlah dana. Jumlah dana yang diperuntukkan bagi kebanyakan kajian yang dijalankan adalah dalam lingkungan RM25,000 dan ke bawah iaitu sebanyak 27 (42.9%) kajian. Selain itu, terdapat dua (3.2%) buah kajian yang menerima pembiayaan antara RM50,001 hingga RM100,000.

Kategori dan Tema Kajian

3.11 Secara umum, kajian-kajian tentang gender yang dijalankan di kebanyakan universiti untuk tempoh 2001-2005 adalah tertumpu kepada persoalan-persoalan wanita yang lazimnya mendokong pelbagai peranan penting iaitu sebagai isteri dan ibu dalam rumah tangga, dan pekerja, majikan atau pemimpin di luar institusi keluarga. Soal peranan dan cabaran wanita dalam melaksanakan pelbagai tanggungjawab di samping kaum lelaki yang merupakan pencari nafkah utama keluarga, seringkali menjadi perbincangan utama dalam kebanyakan kajian. Selain itu, perbandingan gender antara lelaki dan wanita dalam pelbagai aspek seperti pemilihan kerjaya, pencapaian akademik dan kepemimpinan turut menjadi tumpuan banyak kajian.

3.12 Kajian-kajian mengenai gender menunjukkan kepelbagaian tema yang agak menarik dan penting. Antaranya termasuk:

- Penglibatan wanita dalam pekerjaan yang didominasi oleh lelaki
- Kepemimpinan wanita
- Perbandingan gender dalam pemilihan kerjaya, prestasi akademik dan gaya pembelajaran

Penglibatan Wanita dalam Pekerjaan yang Didominasi oleh Lelaki

3.13 Penglibatan wanita dalam pelbagai kategori pekerjaan bukan lagi asing di kalangan masyarakat Malaysia. Kepesatan pembangunan negara menyebabkan peranan wanita berubah. Mereka kini lebih bersifat *multi-functional* disebabkan peranan mereka yang pelbagai. Merekalah anak, isteri, ibu, kakak atau adik dan dalam masa sama juga bertindak sebagai wanita bekerjaya yang perlu menghadapi persaingan dengan dominasi dunia lelaki. Wanita turut dianggap berperanan penting sebagai agen penggerak ekonomi negara pada abad baru ini. Namun, dalam memikul peranan yang pelbagai ini, pastinya muncul pelbagai persoalan terutamanya pelbagai masalah akibat daripada pelbagai tuntutan peranan tersebut khususnya soal pembahagian masa, halangan-halangan dalam meningkatkan kualiti kerja dan persaingan dengan kaum lelaki.

3.14 Persoalan yang muncul daripada kepelbagaian peranan yang dimainkan oleh wanita masa kini telah menarik minat sejumlah pengkaji untuk menelitinya. Antaranya ialah Zubaidah Zainal Abidin et.al (2004), UiTM telah menjalankan satu kajian bertajuk "Impediments to Women Accountants' Career Progression in

Comment [Thong1]: J0117

Malaysia" (asas/gunaan). Kajian ini telah menyiasat persepsi 396 akauntan wanita yang berdaftar di bawah *The Malaysian Institute Of Accountants* (MIA) tentang halangan-halangan yang mereka hadapi khususnya tentang rumah tangga dan keluarga, persekitaran dan tuntutan kerja, kemudahan yang disediakan oleh majikan, fleksibiliti kerja, bayaran kerja lebih masa, dan beban kerja yang sentiasa bertambah. Fokus kajian turut meneliti kewujudan 'siling kaca' (glass ceiling) di organisasi tempat mereka bekerja. Hasil kajian mendapati kurang atau tidak ada langsung penghargaan daripada golongan atasan dan juga sokongan daripada pengurusan, spesifikasi kerja yang tidak jelas, komunikasi yang kurang di kalangan rakan sejawat, penilaian prestasi yang sangat *rigid* dan tidak transparen merupakan halangan-halangan persekitaran yang wujud. Konflik antara rumah tangga dan tuntutan kerjaya khususnya masa kerja yang panjang, kekerapan bekerja di luar kawasan dan tekanan persekitaran kerja dikatakan antara faktor yang menghalang wanita melibatkan diri dalam profesyen akauntan yang didominasi oleh kaum lelaki.

3.15 Terdapat satu lagi kajian penting bersifat rundingan mengenai gender diketuai oleh Wazir Jahan Karim, mantan profesor di Universiti Sains Malaysia. Kajian ini dijalankan pada tahun 2003, dan ditaja oleh Kementerian Pembangunan, Wanita, Keluarga dan Masyarakat. Kajian pertama yang berjudul "A National Study on Information and Communication Technologies and Gender" mengkaji hubungan antara gender dengan ICT. Ia berusaha untuk menganalisis dan menilai prestasi dan pencapaian wanita dalam industri ICT serta melihat setakat mana berlaku diskriminasi atau pilihan yang diasaskan kepada perbezaan gender. Kajian ini

menggunakan kaedah survei dengan mengirim soalselidik kepada 500 syarikat/agensi atau perusahaan di sektor awam dan swasta, namun hanya 79 sahaja yang memberikan maklumbalas (65.1% daripadanya syarikat/perusahaan milik Malaysia, 28.6% syarikat antarabangsa, manakala 6.1% adalah syarikat usahasama Malaysia dan asing). Daripada 79 syarikat/agensi atau perusahaan yang memberi maklumbalas itu, sejumlah 5,005 responden yang terdiri daripada pekerja mereka menjawab soalselidik – 3,997 (78.8%) daripada sektor swasta dan bakinya sebanyak 1,008 (21.2%) lagi daripada sektor awam. Kajian mendapati pekerja lelaki dalam industri ICT lebih kompetitif dan tertarik kepada sektor swasta kerana gaji yang lebih tinggi dalam sektor ini. Terdapat perbezaan gaji yang besar antara pekerja lelaki dan wanita dalam sektor swasta sekalipun di kalangan mereka yang mempunyai kemahiran dan pengalaman yang setara. Pekerja lelaki lebih diutamakan kerana lelaki dipercayai lebih berkemahiran, berbakat dan berdaya usaha, lebih bijak menyelesaikan masalah dan lebih mahir tentang sistem data berintegrasi. Walaupun alaf baru dianggap alaf yang menghormati kesaksamaan gender, kajian ini menyimpulkan masih terdapat perbezaan atau diskriminasi berasaskan gender. Justeru, kajian mengesyorkan wanita menganggap menguasai ICT sebagai usaha pembelajaran seumur hidup kerana teknologi ini dan kemahiran menguasainya terus menerus berubah dan perlu ditingkatkan.

Kepemimpinan Wanita dalam Dunia Lelaki

3.16 Selain bergiat aktif dalam pembangunan ekonomi negara, wanita juga telah lama memainkan peranan yang aktif di bidang politik seiring dengan kaum lelaki. Malah, mereka merupakan kumpulan pengundi yang besar dan sering memainkan peranan sebagai penarik pengundi. Kajian bertajuk "Penyertaan Wanita dalam Politik: Satu Kajian Sikap Lelaki Islam di Terengganu" (asas/gunaan) yang dijalankan oleh Roslina Ismail (2003) dari UMT telah meneliti sejauhmana kecenderungan sikap stereotaip lelaki Islam terhadap penyertaan wanita dalam politik di Terengganu. Kesimpulan dari sikap stereotaip itu kemudiannya dibandingkan dengan data-data penyertaan wanita dalam politik di Terengganu sejak merdeka sehingga pilihanraya 1999. Seramai 119 responden lelaki Islam dari enam daerah di Terengganu terlibat dalam kajian ini.

Comment [Thong2]: F0024

3.17 Kajian tentang kepemimpinan wanita sebagai ketua atau pemimpin turut dijalankan oleh pelajar Sarjana dan PhD. Satu kajian kualitatif di peringkat PhD yang telah dijalankan bertajuk "Tingkah Laku dan Gaya Kepemimpinan Pemimpin Akademik Wanita di Sebuah Universiti Awam" oleh Zaharah Hassan (2004) dari UM cuba mengenalpasti dan memerihalkan tingkah laku dan gaya kepemimpinan pemimpin akademik wanita dengan menekankan kepada pengaruh situasi dan peranan organisasi. Penemuan kajian daripada tujuh orang responden yang dikaji menunjukkan kesemua pemimpin mempamerkan tingkah laku yang berbagai-bagai. Antaranya ialah tingkah laku kepemimpinan boleh jadi memfokus kepada tugas, atau menfokus kepada tugas dan pengikut yang mana

Comment [Thong3]: Q0013

pengikut adalah bergantung kepada situasi. Selain itu, tingkah laku meminta pendapat dan mendelegasikan kerja kebiasaannya kepada subordinat yang dianggap mempunyai kematangan iaitu yang berpengalaman, berpengetahuan dan bersedia untuk turut serta dalam proses membuat keputusan. Tingkah laku kepemimpinan juga sering berkaitan dengan tingkah laku kepemimpinan pemimpin lain dan faktor situasi dikatakan paling mempengaruhi tingkah laku kepemimpinan wanita.

3.18 Selain itu, kajian tentang wanita sebagai pemimpin atau ketua akademik di universiti awam turut dijalankan oleh Rosiatimah Mohd Isa et.al (2002), UiTM. Kajiannya bertajuk "A Survey on Perceptions Towards Female Academic Leaders in Public Universities" (asas/gunaan) dijalankan di tiga buah universiti awam iaitu UiTM, UUM dan USM untuk meneliti persepsi golongan akademik tentang perkara tersebut. Hasil kajian mendapati responden di ketiga-tiga IPTA, memberi peluang yang sama rata kepada wanita untuk menjawat jawatan sebagai ketua akademik. Hasil kajian juga menunjukkan adanya pengiktirafan bukan sahaja daripada kaum wanita tetapi juga kaum lelaki kepada kepemimpinan akademik wanita di universiti. Sungguhpun begitu, mereka tidak menafikan bahawa wanita terpaksa berusaha keras dan bekerja lebih gigih berbanding lelaki dalam usaha mendapatkan kenaikan pangkat dan memegang jawatan utama di universiti.

Comment [Thong4]: J0649

Gaya Pembelajaran, Prestasi Akademik dan Pemilihan Kerjaya Menurut Gender

3.19 Terdapat banyak kajian perbandingan gender dijalankan dengan melihat gaya pembelajaran, tahap pencapaian akademik, dan pemilihan kerjaya. Kajian Nor Azmi Mostafa (2003), UPSI berjudul "A Case Study of Gender Differences in Language Learning Styles Among Bilingual University Undegraduates" (asas/gunaan) cuba melihat perbezaan gaya pembelajaran bahasa dan tahap bilingualisme di kalangan pelajar prasiswazah lelaki dan perempuan di UPSI. Daripada 119 orang responden, kajian tersebut mendapati darjah bilingualisme pelajar perempuan adalah lebih tinggi berbanding pelajar lelaki. Pelajar wanita didapati kerap bertutur bahasa Inggeris dalam aktiviti seharian. Mereka bertutur bahasa Inggeris dengan keluarga di rumah, adik beradik dan kawan semasa di dalam kuliah. Gaya pembelajaran individual pula menunjukkan kepelbagaian di antara pelajar lelaki dengan wanita. Pelajar lelaki didapati cenderung memilih gaya pembelajaran *tactile* dan *kinesthetic* berbanding pelajar perempuan. Satu lagi kajian oleh Siti Khaidah Ab Manan et.al (2003), UiTM berjudul "Kajian Mengenai Pencapaian Akademik Pelajar-Pelajar di UiTM Shah Alam: Satu Analisa Perbandingan Antara Jantina" (asas/gunaan) cuba mengenalpasti sama ada gender mempunyai perkaitan dan mempengaruhi pencapaian akademik pelajar yang menuntut di UiTM Shah Alam. Daripada kajian tersebut mendapati pencapaian akademik pelajar wanita adalah lebih baik berbanding pelajar lelaki.

Comment [Thong5]: R0051

Comment [Thong6]: J0396

3.20 Kajian perbandingan gender dalam soal pemilihan kerjaya di kalangan graduan selepas tamat pengajian telah dijalankan oleh Ahmad Che Yaacob et.al (2003), UiTM yang bertajuk "Pemilihan Kerjaya di Kalangan Bakal Graduan: Satu Perbandingan Gender di UiTM Cawangan Johor" (asas/gunaan). Kajian yang menggunakan 200 responden ini telah membandingkan faktor-faktor yang mempengaruhi dan tahap persediaan bekerja di antara pelajar lelaki dan perempuan. Hasil kajian mendapati wujud perbezaan yang signifikan di antara kedua-duanya. Faktor nilai agama didapati paling mempengaruhi pelajar dalam membuat pemilihan kerjaya.

Comment [Thong7]: J0275

3.21 Kajian Mohd Halim Kadri et.al (2003), UiTM bertajuk "The Effect of Lecturer Gender, Teaching Experience and Student Gender on Student Achievement" (asas/gunaan) mengkaji kesan gender dan pengalaman pengajaran ke atas prestasi pelajaran pelajar-pelajar yang mengambil kursus perakaunan. Hasil kajian mendapati gender pensyarah mempengaruhi prestasi pembelajaran pelajar. Walau bagaimanapun, pensyarah yang mempunyai pengalaman mengajar lebih 10 tahun tidak menunjukkan pengaruh gender ke atas prestasi pelajar.

Comment [Thong8]: J0270

B. Kajian Mengenai Wanita, Keluarga dan Masyarakat

Bilangan Kajian dan Dana

3.22 Institusi kekeluargaan merupakan institusi asas bagi semua masyarakat. Jika rosak keluarga maka pincanglah masyarakat, keruntuhan keluarga boleh membawa kepada kemusnahan negara. Justeru, institusi kekeluargaan perlu terus dikukuhkan kerana kekuatan dan keutuhan sesebuah keluarga dapat mempengaruhi

dan menjamin kestabilan masyarakat dan negara. Atas kesedaran tinggi tentang pentingnya institusi keluarga kepada masyarakat dan juga negara, maka persoalan-persoalan tentang wanita, keluarga dan masyarakat telah menarik minat ramai pengkaji untuk menjalankan kajian dalam bidang ini. Banyak kajian tentang persoalan tersebut telah dijalankan oleh pensyarah dan juga pelajar dari hampir seluruh IPTA di Malaysia.

3.23 Secara keseluruhannya, terdapat 192 kajian mengenai pelbagai aspek tentang wanita, keluarga dan masyarakat yang dijalankan oleh pengkaji daripada pelbagai universiti di Malaysia bagi tempoh 2001-2005 yang boleh digolongkan dalam bidang pembangunan sosial. Daripada kesemua kajian ini, sebanyak 84 buah (43.5%) kajian adalah penyelidikan asas/gunaan, tujuh (3.6%) penyelidikan rundingan/kontrak dan 102 (53.8%) adalah penyelidikan yang dijalankan oleh pelajar Sarjana dan PhD (Sarjana – 87 kajian dan PhD – 15 kajian).

3.24 Dari segi dana pula, hanya kajian asas/gunaan dan rundingan/kontrak sahaja yang memperoleh dana daripada universiti dan sumber-sumber lain. Manakala kajian tesis umumnya tidak mempunyai pembiayaan rasmi. Jumlah terbanyak dana yang diperuntukkan untuk kajian ini ialah RM500,000 hingga RM1 juta iaitu sebanyak dua kajian (1.0%) sahaja yang dibiayai. Bagi peruntukan RM25 ribu ke bawah pula sebanyak 68 (35.2%) kajian telah dibiayai, manakala enam (3.1%) kajian mendapat pembiayaan sebanyak RM25,001 hingga RM100,000. Sementara itu, empat (2.1%) kajian mendapat pembiayaan sebanyak RM100,001 hingga RM200,000.

Kategori dan Tema Kajian

3.25 Kajian-kajian mengenai wanita, keluarga dan masyarakat menunjukkan kepelbagaian tema yang agak menarik dan penting. Antaranya termasuk:

1) Kajian tentang wanita
   - Penglibatan wanita dalam pekerjaan dan pembangunan negara
   - Wanita mendepani arus teknologi maklumat

2) Kajian tentang keluarga dan masyarakat
   - Perkahwinan, institusi keluarga, penceraian dan konflik keluarga
   - Pendidikan kanak-kanak
   - Keganasan rumah tangga
   - Perlindungan undang-undang
   - Ibu/bapa tunggal
   - Warga tua
   - Penderaan kanak-kanak
   - Kaunseling keluarga

(1) Kajian Mengenai Wanita

Penglibatan Wanita dalam Pekerjaan dan Pembangunan Negara

3.26 Pengiktirafan kerajaan terhadap sumbangan besar wanita dalam pembangunan negara dapat dilihat melalui galakan penyertaan mereka dalam arus pembangunan negara dengan pembukaan peluang yang lebih luas bagi menceburi bidang sosial, ekonomi

dan politik. Beberapa institusi yang ditubuhkan seperti Majlis Penasihat Kebangsaan Mengenai Integrasi Wanita Dalam Pembangunan (NACIWID), Urusetia Hal Ehwal Wanita (HAWA), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM) dan Jabatan Kemajuan Masyarakat merupakan antara usaha untuk mengintegrasikan wanita dalam aliran utama pembangunan negara.

3.27 Dewasa ini semakin ramai wanita menceburkan diri dalam perniagaan dan telah menjadi usahawanita yang berjaya. Kecenderungan wanita-wanita kini untuk berniaga tidak wajar dipertikaikan dan keupayaan mereka untuk merealisasikan impian menjadi usahawan yang berjaya juga tidak harus diperlekehkan. Kajian Maznah Daud et.al (2003), UiTM berjudul "Kajian Mengenai Wanita dan Kerjaya – Pertembungan di antara Kerjaya dan Rumah tangga – Satu Analisis di Lembah Klang" (asas/gunaan) meneliti isu-isu tentang wanita dengan merujuk kepada kedudukan wanita dari perspektif Islam. Kajian ini mengakui bahawa wanita bekerjaya merupakan aset kepada pembangunan umat dan negara. Justeru, ia perlu dipertahankan dengan mekanisme keagamaan dan nilai-nilai timur.

3.28 Satu kajian telah dijalankan oleh Ismail Ab Wahab et.al (2003), UiTM bertajuk "Profil dan Cadangan Usahawan Wanita di Malaysia" (asas/gunaan) berjaya mengumpul maklumat tentang profil demografik 115 orang usahawan wanita di Malaysia. Kajian tersebut turut meneliti permasalahan yang dihadapi beserta kaedah penyelesaian khususnya dalam aspek pengurusan, pemasaran, operasi dan juga kewangan. Penemuan kajian mendapati terdapat perkembangan menarik mengenai usahawan wanita di Malaysia

Comment [Thong9]: J0360

khususnya dari aspek sektor perniagaan yang diceburi, kesedaran wanita tentang selok-belok perniagaan dan sistem sokongan perniagaan yang wujud di Malaysia.

3.29 Kajian tentang wanita dan pembangunan telah dijalankan oleh Mek Wok Mahmud et.al (2006), UIAM yang berjudul "Women and Development in the Light of Islamic Legal Principles: A Case Study of Malaysian Muslim Women" (asas/gunaan). Beberapa aspek penting yang cuba diteliti dalam kajian tersebut merangkumi definisi pembangunan khususnya dalam konteks wanita Muslim, faktor-faktor yang menggalakkan penglibatan wanita dalam pembangunan seperti faktor ekonomi dan politik, faktor demografi, dan sosio-budaya. Selain itu, perkara yang turut dibincangkan ialah soal penafian terhadap penglibatan wanita secara komprehensif terhadap pembangunan bangsa dalam masyarakat Muslim. Kajian ini pada akhirnya cuba memberi cadangan tentang konsep pembangunan manusia dalam Islam dan mengidentifikasi beberapa ideologi di sebalik penglibatan wanita dalam pembangunan.

Comment [Thong10]: I0104

3.30 Kajian Yusfida Abdullah @ Mohd Zain et.al (2005), UiTM berjudul "Impak Urbanisasi dan Peranan Wanita: Kajian Kes Wanita Melayu Kelas Pekerja di Shah Alam" (asas/gunaan) mengkaji peranan yang dimainkan oleh wanita yang tinggal di bandar dengan mempunyai pendapatan isirumah RM2000 dan ke bawah, dan menilai sistem sokongan sosial serta kemudahan awam yang ada di kawasan kejiranan mereka.

Comment [Thong11]: J0535

Wanita Mendepani Arus Teknologi Maklumat

Comment [Thong12]: Q0121

3.31 Kajian tesis PhD oleh Syed Tasmina Ahmed (2001) dari UPM bertajuk "Penggunaan Internet dan Tingkahlaku Komunikasi di Kalangan Wanita Akademik dan Bukan Akademik di Tiga Universiti di Malaysia" telah membincangkan tentang tingkah laku komunikasi wanita dengan memfokus kepada (1) tingkahlaku komunikasi di rumah dan juga di tempat kerja; (2) perbezaan tingkahlaku komunikasi di antara pengguna dan bukan pengguna Internet; (3) pola penggunaan Internet di kalangan pengguna Internet; (4) perubahan dari segi komunikasi di rumah dan di tempat kerja dan hubungan di antara masa yang dihabiskan untuk Internet dan perhubungan dari segi masa untuk berkomunikasi; (5) faktor-faktor demografik yang paling berkesan untuk membezakan pengguna dan bukan pengguna Internet; dan (6) sebab-sebab tidak menggunakan Internet bagi mereka yang mempunyai akses Internet. Hasil kajian yang diperolehi daripada 327 orang responden menunjukkan penggunaan internet yang kerap telah mengurangkan masa berkomunikasi sama ada di rumah mahupun di pejabat.

(2) Kajian Mengenai Keluarga dan Masyarakat

Perkahwinan, Institusi Keluarga, Konflik Keluarga dan Penceraian

3.32 Keluarga merupakan institusi paling asas dan paling penting dalam masyarakat. Ini kerana proses sosialisasi dan pendidikan tidak formal kanak-kanak adalah bemula dari keluarga. Jika dahulu wanita hanya memainkan peranan sebagai isteri dan ibu sahaja, tetapi kini disebabkan proses urbanisasi dan pemodenan, semakin

ramai isteri yang keluar bekerja mencari rezeki bagi membantu ekonomi keluarga. Tanggungjawab dan peranan yang pelbagai ini menuntut wanita mengimbangi peranan dan juga pembahagian masa yang saksama bagi menjamin kerukunan rumah tangga. Sememangnya wanita atau isteri tidak dapat mengelak dari berdepan dengan pelbagai konflik, tekanan dan tuntutan keluarga. Justeru, banyak kajian-kajian pensyarah dan juga pelajar dijalankan bagi memahami situasi wanita yang memainkan pelbagai peranan ini, mengkaji institusi perkahwinan dalam pelbagai aspek secara mendalam, konflik dalam rumah tangga dan juga isu-isu tentang penceraian.

3.33 Salah satu kajian rundingan/kontrak yang mengkaji tentang perubahan struktur keluarga ialah kajian oleh Prof. Madya Dr. Chia Oai Peng (2002), UM berjudul "Changing Family Structure in the Chinese Community in Malaysia and Brunei: Implications on Individual and Society" untuk Toyota Foundation. Kajian ini meneliti tentang perubahan struktur komuniti Cina di Malaysia dan Brunei kesan daripada globalisasi. Peningkatan penglibatan wanita dalam sektor ekonomi telah mempengaruhi hubungan kekeluargaan dan juga pembesaran anak-anak.

3.34 Kajian Azman Ab Rahman et.al (2005) berjudul "Perlaksanaan Ujian HIV ke Atas Bakal Pengantin di Negeri Johor: Satu Kajian Dari Sudut Undang-Undang dan Syariah" (asas/gunaan) mengkaji perlaksanaan ujian HIV ke atas bakal pengantin di Negeri Johor dan keberkesanannya. Selain itu, kajian tersebut turut mengenalpasti implikasi perlaksanaannya terhadap kesejahteraan institusi keluarga. Hasil kajian mendapati perlaksanaan ujian HIV

Comment [Thong13]: B0071

ke atas bakal pengantin hanya diwajibkan di Negeri Johor sahaja, di samping negeri lain yang masih di peringkat perancangan dan perbincangan. Kajian yang dijalankan dilihat mampu menyelesaikan permasalahan yang berkaitan dengan hak asasi manusia dan menyelesaikan kesangsian mengenai pandangan Islam dan undang-undang terhadap ujian tersebut.

3.35 Kajian Hasan Bahrom et.al (2004), UiTM berjudul "Poligami: Kajian Terhadap Penerimaan Wanita Melayu di Negeri Terengganu" (asas/gunaan) mengkaji mengapa wanita khususnya di negeri Terengganu menolak atau takut untuk berpoligami sedangkan poligami merupakan satu jalan penyelesaian kepada sistem kekeluargaan Islam.

Comment [Thong14]: J0501

3.36 Kajian yang dijalankan oleh Norhayati Rafida Abdul Rahim (2004), USIM berjudul "Negotiation Skills in Family Conflicts: Comparison Between Rural and Urban Areas" (asas/gunaan) menegaskan bahawa sesebuah keluarga tidak dapat mengelak dari berlakunya konflik dalam rumah tangga. Namun, konflik akan menjadi bertambah buruk jika tidak dapat diselesaikan dengan baik seterusnya memberi kesan buruk kepada anak-anak. Justeru, kemahiran dalam bertolak ansur dianggap sebagai kaedah terbaik mengawal konflik yang berlaku. Kajian ini telah menggunakan 400 orang responden yakni pelajar sekolah yang berasal dari kawasan bandar dan luar bandar di empat negeri di Malaysia. Kajian ini telah mendapatkan pandangan remaja tentang konflik dalam keluarga dan tolak ansur yang dilakukan oleh ibu bapa mereka semasa konflik berlaku.

Comment [Thong15]: B0047

3.37 Kajian Sarminah Samad et.al (2004), UiTM berjudul "Factors and Consequences of Work-Family Conflict Among Non-Profesional Married Working Women" (asas/gunaan) mengenalpasti pengalaman konflik dalam keluarga yang dilalui oleh wanita berkahwin yang bekerja sebagai pekerja bukan profesional. Selain itu, kajian ini juga menyiasat faktor-faktor yang mempengaruhi dan penyumbang kepada berlakunya konflik dalam keluarga, dan kesan daripada konflik tersebut. Kajian mendapati faktor-faktor seperti individu, kerja dan keluarga merupakan faktor yang saling mempengaruhi dan menyebabkan berlakunya konflik keluarga.

Comment [Thong16]: J0408

3.38 Kajian Habsah Hashim et.al (2002), UiTM berjudul "Urbanization, Womens Role and Fertility Trends: A Case of Professional and Semi-Professional Malay Women in Shah Alam" (asas/gunaan) mengkaji pengaruh urbanisasi terhadap peranan wanita dan tren kelahiran di kalangan wanita Melayu kelas menengah di Shah Alam. Kajian mendapati wanita menghadapi dilema dan pelbagai tekanan dalam melaksanakan tanggungjawab sebagai suri rumah yang memainkan dua peranan iaitu sebagai isteri dan ibu, dan pekerja, konflik antara kerjaya dan keluarga, pengurusan anak-anak dan rumah tangga. Wanita yang berpendidikan tinggi didapati terpaksa mengorbankan kepentingan peribadi demi menjalankan dua peranan tersebut. Kajian ini merasakan polisi *family-friendly* sangat diperlukan dan mengharapkan pembangunan komuniti di peringkat kejiranan dan tempatan.

Comment [Thong17]: J0652

3.39 Kajian Zaleha Kamaruddin (2002), UIAM berjudul "Socio-Legal Perspective of Social Problems and Its Relation to Family Institution: A Critical Analysis with Special Reference to FELDA

Comment [Thong18]: I0036

Families" (asas/gunaan) mengenalpasti masalah-masalah yang muncul di FELDA dan seterusnya menyarankan cadangan penyelesaian kepada masalah tersebut. Kajian dijalankan di empat buah rancangan FELDA di negeri Johor, Pahang, dan Negeri Sembilan.

3.40 Kajian rundingan berjudul "A National Study of Family Transformations in the Context of Changing Trends in Women's Work and Lifestyles in Malaysia" juga membincangkan tentang wanita dan keluarga. Kajian yang dijalankan oleh Wazir Jahan Karim, mantan profesor di USM pada tahun 2002 dan 2003 ini meliputi responden wanita seramai 5000 orang yang telah berkahwin dan berada dalam lingkungan umur produktif dari segi ekonomi, iaitu 15 hingga 54 tahun. Mereka dipilih daripada kesemua negeri di Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak. Sebanyak 61.9% responden tinggal di bandar, manakala selebihnya (38.1%) dari luar bandar. Dari segi etnik, 56.3% adalah responden Bumiputera (52.9% Melayu dan 3.4% Bumiputera lain), 25.9% Cina, 8.7% India dan 7.1% lain-lain. Terdapat 92.7% daripada keluarga yang dikaji bersifat nuklear, termasuk banyak keluarga di luar bandar. Jumlah terbanyak responden menyatakan keinginan mempunyai anak, dengan bilangan tiga anak dianggap angka yang sesuai. Umumnya, wanita yang berpendidikan tinggi cenderung mempunyai kurang daripada tiga orang anak, manakala wanita luar bandar dan berpendidikan rendah mempunyai empat orang anak atau lebih. Kajian mendapati 98.1% daripada responden masih kekal dengan pasangan asal mereka, dan 91.6% daripada perkahwinan responden didapati stabil. Walau bagaimanapun, penceraian berlaku pada kadar 2.6%, dengan kadar tertinggi di

kalangan Kadazandusun sebanyak 9.6%, diikuti oleh etnik lain-lain 5.7%, Iban 4.4%, dan Melayu 2.4%. Kadar perceraian di kalangan orang Cina dan India agak rendah, iaitu sebanyak 1.4% dan 1.8%. Kajian ini mencadangkan agar satu kajian terperinci yang menggunakan kaedah etnografi yang mendalam dijalankan terhadap kaum Bumiputera utama Sabah dan Sarawak untuk memahami punca kenapa kadar perceraian dan ketidakstabilan perkahwinan di kalangan mereka adalah lebih tinggi berbanding golongan etnik lain di Malaysia.

3.41 Masalah penceraian merupakan satu masalah yang sudah lama wujud dan sering menjadi perhatian dan tema kajian bagi ramai pengkaji. Kajian Maznah Mohd Zain et.al (2002), UiTM berjudul "Kesan Pendapatan ke Atas Kadar Penceraian di Kalangan Masyarakat Melayu" (asas/gunaan) melihat sejauh mana pendapatan mempengaruhi penceraian di kalangan masyarakat Melayu. Selain itu, kajian tersebut juga mengkaji perbezaan di antara golongan yang berpendapatan tetap dengan tidak tetap terhadap kadar penceraian tersebut.

Comment [Thong19]: J0644

Pendidikan Kanak-Kanak

3.42 Terdapat dua kajian rundingan/kontrak yang meneliti tentang pendidikan kanak-kanak. Pertama ialah kajian berjudul "Kaedah Menjati Diri Anak-anak Menurut Perspektif Islam: Perhatian dan Sokongan Keluarga, Sekolah dan Komuniti" yang dilakukan oleh Suriati Ghazali et.al (2005), USM untuk Bahagian Penyelidikan dan Inovasi. Kajian kedua berjudul "Kajian Kecemerlangan Kanak-Kanak di Rumah Kanak-Kanak Jabatan Kebajikan Masyarakat"

oleh Prof Madya Dr. Faizah Yunus (2005), UM untuk Jabatan Kebajikan Masyarakat Malaysia.[1]

Keganasan Rumah tangga

3.43 Kajian Intan Hashimah Mohd Hashim et al (2005), USM berjudul "Kajian Psikososial Isteri yang Mengalami Keganasan Rumah tangga" (asas/gunaan) mengkaji ciri-ciri psikososial isteri yang menjadi mangsa keganasan rumah tangga di Malaysia dengan mengambil kira latar belakang sosio-ekonomi dan sosio-budaya mereka. Selain itu, kajian ini turut membuat perbandingan antara kumpulan wanita yang mengalami keganasan rumah tangga dengan wanita yang tidak mengalaminya. Satu profil yang spesifik dan terfokus tentang situasi keganasan rumah tangga di Malaysia diwujudkan bagi membantu penilaian terhadap sistem sokongan dalam membantu mengurangkan atau menyelesaikan masalah keganasan rumah tangga.

Comment [Thong20]: S0048

Perlindungan Undang-Undang

3.44 Banyak kajian telah dijalankan yang menyentuh aspek perlindungan undang-undang terhadap wanita dalam banyak kes-kes melibatkan perkahwinan dan penceraian, hak penjagaan anak-anak dan harta sepencarian selepas penceraian berlaku. Untuk tempoh 2001-2005, kebanyakan kajian tentang perlindungan terhadap wanita dari segi undang-undang dijalankan oleh UIAM dan KUIM/USIM.

[1] Kedua-dua institusi ini tidak membekalkan maklumat lebih lanjut khususnya abstrak kajian.

3.45 Kajian Abdul Samat Musa et.al (2005) berjudul "Perlindungan Hak Isteri Dalam Pentadbiran Undang-Undang Penceraian di Mahkamah Syariah Wilayah Persekutuan dan Selangor" (asas/gunaan) dari USIM meneliti undang-undang dan hukum syarak berkaitan perlindungan terhadap isteri dalam pentadbiran undang-undang penceraian, perlaksanaan dan penguatkuasaannya di peringkat mahkamah, semasa perbicaraan, perlaksanaan keputusan dan perintah mahkamah. Penemuan kajian mendapati undang-undang keluarga Islam mengenai penceraian memberikan perlindungan yang cukup dan adil terhadap wanita sebagai isteri, tetapi masih memerlukan penambahbaikan dari aspek pelaksanaannya di Mahkamah Syariah.

Comment [Thong21]: B0051)

3.46 Kajian oleh Che Latifah Ismail et.al (2004), UiTM yang bertajuk "Tuntutan Hak Selepas Penceraian di Kalangan Ibu Tunggal Negeri Perlis" (asas/gunaan) cuba mengenalpasti sama ada ibu tunggal menuntut hak-hak mereka sebagai isteri yang bercerai, jenis-jenis tuntutan dan adakah tuntutan tersebut berjaya serta apakah masalah-masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal sepanjang proses tuntutan hak. Hasil kajian mendapati kebanyakan kes tuntutan melibatkan hak penjagaan anak dan tuntutan nafkah. Terdapat ramai ibu tunggal yang tidak menuntut hak mereka kerana tidak mengetahui prosedur mahkamah dan juga takut kepada bekas suami. Kajian ini mencadangkan agar segala peruntukan undang-undang yang ada terus dilaksanakan sebaik sahaja sesuatu penceraian disahkan berlaku tanpa memerlukan tuntutan yang berasingan untuk mengelak penganiayaan khususnya kepada isteri dan anak-anak.

Comment [Thong22]: J0228

Comment [Thong23]: J0483

3.47 Kajian Latifah Ismail et.al (2002), UiTM bertajuk "Pengendalian Kes Penceraian di Mahkamah Syariah Perlis: Satu Tinjauan" (asas/gunaan) mengenalpasti masalah yang dihadapi oleh Mahkamah Syariah Perlis dalam mengendalikan kes-kes penceraian. Kajian mendapati beberapa masalah yang menghalang pengendalian kes berjalan dengan lancar perlu diselesaikan seperti menambah bilangan kakitangan mahkamah dan dewan perbicaraan. Selain itu, masalah penyempurnaan saman dikenalpasti sebagai punca berlakunya penangguhan kes. Masalah pertukaran alamat, waktu penghantaran saman yang tidak sesuai, tiada penyelarasan undang-undang antara negeri-negeri, tiada senarai rujukan tindakan, enggan hadir ke mahkamah, perancangan masa yang kurang teratur, kurang pendedahan mengenai prosedur mahkamah kepada orang ramai, tiada biro pemantauan dan penyelidikan merupakan masalah-masalah lain yang menghalang kelancaran pengendalian kes.

Ibu/Bapa Tunggal

3.48 Terdapat dua kajian rundingan/kontrak yang mengumpul maklumat tentang ibu tunggal. Satu kajian berjudul "Single Mother Database System" yang dilakukan oleh Syafiq Fikri Abdullah @ Lee Nung Kion et.al (2004) dari Pusat Pemindahan Teknologi dan Perundingan, UNIMAS dan dibiayai oleh Majlis Pembangunan Sosial dan Urbanisasi, Sarawak. Kajian kedua berjudul "The Well Being of Female Headed Households in Rural and Urban Ares: A Case Study in North-Western Malaysia" yang dilakukan oleh

Suriati Ghazali et.al (2005), USM untuk Bahagian Penyelidikan dan Inovasi. [2]

3.49 Kajian Wan Ibrahim Wan Ahmad (2003) berjudul "Ibu Tunggal di Pantai Timur: Masalah dan Strategi Adaptasi" (asas/gunaan) dari UMT meneliti permasalahan yang dihadapi dan strategi adaptasi ibu tunggal di negeri Pantai Timur. Tujuan kajian tersebut dijalankan adalah (1) menganalisis keadaan sosio demografi dan ekonomi ibu tunggal, (2) mengenalpasti sebab-sebab ramainya bilangan ibu tunggal yang ramai di Pantai Timur, (3) menganalisis permasalahan harian ibu tunggal, (4) mengenalpasti strategi adaptasi ibu tunggal bagi mengatasi masalah harian, dan (5) menganalisis kualiti hidup dan harapan masa depan ibu tunggal di Pantai timur. Seramai 500 orang ibu tunggal dari Kelantan, Terengganu dan Pahang menjadi responden bagi kajian ini.

Comment [Thong24]: F0007

3.50 Satu lagi kajian tentang ibu/bapa tunggal dijalankan oleh Madihah Mohamad Shukri (2003), UMT yang berjudul "Stress, Problem and Coping Skills among Single Fathers and Mothers: A Comparative Study in East Coast of Peninsular Malaysia" (asas/gunaan). Kajian ini menilai tahap tekanan yang dihadapi oleh 80 orang ibu tunggal dan 80 orang bapa tunggal, mengkaji perbezaan pandangan mereka terhadap masalah yang dihadapi, dan bagaimana mereka menghadapi masalah tersebut.

Comment [Thong25]: F0019

3.51 Kajian Johari Othman et.al (2005), UITM berjudul "Menyelami Dunia Ibu Tunggal di Mukim Kepis, Negeri Sembilan: Tinjauan Permasalahan dan Keperluan" (asas/gunaan) juga meneliti

Comment [Thong26]: J0083

[2] Institusi tidak membekalkan maklumat lebih lanjut khususnya abstrak kajian.

masalah-masalah yang dihadapi oleh ibu tunggal dan mengenalpasti keperluan yang diperlukan oleh ibu tunggal. Kajian Zaleha Kamaruddin dari Pusat Pengurusan Penyelidikan, UIAM berjudul "A Preliminary Study on Non-Custodial Father's Contact with Their Children After Divorce in Malaysia" (asas/gunaan) mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kekerapan bapa menghubungi anak-anak yang di bawah jagaan ibu selepas penceraian, dan kepuasan dan ketidakpuasan ibu bapa terhadap hubungan mereka dengan anak-anak selepas penceraian.

Warga Tua

3.52 Kajian yang menyentuh tentang persoalan warga tua telah dijalankan oleh Tan Peck Leong et.al (2005), UiTM yang bertajuk "Perception of the Younger Generation Towards Elderly Care: A Case Study Among Undergraduates" (asas/gunaan) meneliti persepsi generasi muda tentang penjagaan dan sistem sokongan warga tua yang wujud di negara ini. Seramai 1000 responden yang terdiri daripada pelajar prasiswazah dari IPTA dan IPTS di Malaysia telah dikaji. Melalui soal selidik dan temubual yang dijalankan, didapati generasi muda menunjukkan perasaan tanggungjawab terhadap warga tua khususnya ibu bapa. Sungguhpun begitu, ramai responden yang masih tidak pasti sama ada wajar atau tidak warga tua ini ditempatkan di rumah kebajikan.

Comment [Thong27]: J0539

Penderaan Kanak-Kanak

3.53 Penderaan kanak-kanak merupakan salah satu kesan balas dari konflik yang berlaku dalam keluarga. Kepincangan rumah tangga seperti pergaduhan antara ibu bapa, kesempitan hidup dan

penceraian boleh mendorong berlakunya pengabaian ke atas anak-anak dan mungkin juga menjadi tempat untuk ibu bapa melepaskan marah. Kajian Mohd Salleh Lebar (2003), UMT berjudul "Masalah Penderaan Kanak-Kanak: Kesedaran Masyarakat Malaysia dalam Menanganinya" (asas/gunaan) meneliti punca-punca berlakunya penderaan kanak-kanak, membuat perbandingan data statistik penderaan kanak-kanak di antara negeri Pantai Timur dengan Pantai Barat, dan meneliti faktor sosial seperti kemiskinan yang berkemungkinan menyumbang kepada penderaan kanak-kanak.

Comment [Thong28]: F0036

Kaunseling Keluarga

3.54 Kajian Jawiah Dakir (2004), UKM berjudul "Sistem Pakar Khidmat Nasihat Kekeluargaan Islam: Pendekatan dan Implimentasi" (asas/gunaan) mengkaji sistem khidmat nasihat kekeluargaan Islam yang diaplikasikan di seluruh Jabatan Agama di Malaysia yang dari segi kecekapan, keberkesanan mencadangkan mekanisme yang efektif dalam khidmat nasihat kekeluargaan Islam. Selain itu, kajian ini mengenalpasti pendekatan, strategi dan implementasi khidmat nasihat kekeluargaan Islam dan mengumpul kepakaran khidmat nasihat kekeluargaan Islam dalam satu sistem pakar secara interaktif.

Comment [Thong29]: K0849

Kesimpulan

3.55 Secara keseluruhannya, terdapat 255 kajian tentang gender dan wanita, keluarga dan masyarakat yang dijalankan oleh pengkaji di pelbagai IPTA/IPTS di Malaysia bagi tempoh 2001-2005. Kebanyakan kajian yang dijalankan merupakan kajian asas/gunaan

dan tesis yang bersifat kecil-kecilan dan umum sahaja, dan bukannya kajian untuk tujuan cadangan dasar. Daripada kesemua kajian tersebut hanya satu sahaja kajian rundingan/kontrak tentang gender dijalankan iaitu kajian dari UKMPakarunding, UKM tentang prestasi pelajar lelaki berbanding perempuan di IPTA. Bagi kajian rundingan/kontrak tentang wanita, keluarga dan masyarakat pula hanya enam kajian sahaja telah dijalankan bagi tempoh lima tahun yang menekankan tentang peranan wanita sebagai ketua rumah, perubahan struktur keluarga, kesihatan wanita, dan pendidikan anak-anak.

3.56 Berdasarkan analisis abstrak, kajian tentang gender, wanita, keluarga dan masyarakat didapati semakin penting untuk dibincangkan. Penelitian secara mendalam tentang pelbagai persoalan yang muncul dapat membantu mengemukakan saranan dan cadangan dasar untuk menangani masalah-masalah yang timbul. Kajian-kajian asas/gunaan tentang gender menitikberatkan soal kesaksamaan gender dalam pelbagai aspek khususnya dalam dunia pekerjaan dan politik yang didominasi oleh kaum lelaki. Manakala kajian wanita, keluarga dan masyarakat menitikberatkan aspek penyertaan wanita dalam pekerjaan dan pembangunan negara, pengurusan rumah tangga dan anak-anak, ibu tunggal, dan pelbagai masalah yang timbul daripada kepincangan rumah tangga dan penceraian. Selain itu, kajian tentang kanak-kanak dari segi penjagaan dan pendidikan termasuk penderaan kanak-kanak, dan penjagaan warga tua turut menjadi aspek penting yang ditekankan dalam kajian.